



## **POLISI KESELAMATAN & KESIHATAN PEKERJAAN MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR**

**Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan serta persekitaran kerja yang selamat merupakan elemen penting di MDHS. Bekerja dengan selamat merupakan syarat utama dalam pekerjaan kita. Setiap warga kerja MDHS adalah bertanggungjawab dalam memastikan keselamatan diri, rakan-rakan sekerja, pelanggan-pelanggan, pihak kontraktor, orang awam dan aset-aset MDHS berada di dalam keadaan selamat serta sihat persekitarannya.**

**Adalah menjadi objektif dan iltizam MDHS untuk :**

- ❖ Menyelia dan memelihara suasana kerja yang selamat dan sihat untuk semua pekerja dan orang awam.**
- ❖ Menyedia dan memelihara sistem dan prosedur kerja yang selamat dari segi operasi pekerjaan, keselamatan pelanggan dan pihak awam keseluruhannya.**
- ❖ Mengamalkan, menambahbaik dan menguatkuasakan tata amalan kerja selamat dan mewujudkan kesedaran dan memberikan latihan berkaitan keselamatan kepada semua warga kerja.**
- ❖ Memastikan pegawai dan kakitangan sama – sama bertanggungjawab bagi mencapai objektif ini.**

**Pegawai dan kakitangan perlu komited dalam mematuhi prosedur keselamatan dan menjadikan MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR tempat bekerja yang selamat dan persekitaran yang sihat kepada semua.**